



SEMBANG

@Waghah

KELUARAN : BIL.3

1 OKTOBER 2025 | 9 RABIULAKHIR 1447



● JELASKAN MENGENAI KEWAJIPAN UTAMA SEORANG HAMBA KEPADA ALLAH TA'ALA ●

Kewajipan yang utama kepada Allah ta'ala adalah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

أَفْضَلُ الْأَعْمَالِ إِيمَانٌ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ «رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ»

Maknanya: "Perbuatan yang paling utama adalah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya" (Hadis riwayat al-Bukhari).

Iman adalah syarat diterimanya amal soleh. Barang siapa yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, maka dia tidak memiliki pahala sama sekali di Akhirat. Allah ta'ala berfirman:

مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ أَعْمَالُهُمْ كَرَمَادٍ اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ ﴿١٨﴾

Maknanya: "Perumpamaan orang-orang yang kafir kepada Tuhan mereka, perbuatan mereka bagaikan abu yang ditiup angin kencang pada hari yang berangin kencang"

● (Surah Ibrahim: 18) ●

Kata-Kata Hikmah:

"Seorang mukmin yang bertakwa dan bersedia menghadapi kehidupan akhirat sentiasa memelihara dirinya dalam dua keadaan.

1. Jika Allah menjadikannya kaya dengan harta yang halal, dia menjaga dirinya.

2. Dan jika Allah menjadikannya fakir, dia juga menjaga dirinya.

Kekayaan tidak menyeretnya kepada kezaliman dan kelalaian; kemiskinan pula tidak menjerumuskannya ke arah kebinasaan dan kekufuran."

MAULID NABI AGUNG MUHAMMAD ﷺ

Susunan oleh: Ustaz Mohammad Faizul Abdan



Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Kita memuji-Nya, memohon pertolongan dan keampunan-Nya. Kita berlandung kepada Allah daripada kejahatan diri dan keburukan amalan kita. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, tiada siapa yang dapat menyesatkannya; dan sesiapa yang disesatkan, tiada siapa yang dapat memberinya petunjuk.

Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan Rasul-Nya. Ya Allah, limpahkanlah selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga baginda, para sahabat baginda seluruhnya, serta mereka yang mengikuti jejak langkah baginda hingga Hari Pembalasan.

Memuliakan Maulid Nabi bukan sekadar mengenang tarikh kelahiran, tetapi memperbaharui syukur kita atas nikmat diutuskan Rasul sebagai rahmat untuk seluruh alam yang mengajar, menyucikan jiwa dan membimbing manusia kepada jalan hidayah. Allah Ta'ala menggambarkan misi kerasulan sebagai membacakan ayat-ayat Allah, menyucikan (tazkiyah) dan mengajarkan kitab serta hikmah. Maka tanda cinta kepada Rasul ialah meneladani akhlak baginda: jujur, amanah, berakhlak mulia, penyantun terhadap keluarga, penyayang terhadap anak-anak kecil, dan berbuat ihsan kepada fakir miskin.

MAULID NABI AGUNG MUHAMMAD ﷺ

Susunan oleh: Ustaz Mohammad Faizul Abdan



Antara cara praktikal menghayati maulid:

1. Memperbanyak selawat ke atas Nabi ﷺ.
2. Menghidupkan sunnah dalam ibadah dan muamalah: menjaga solat berjemaah, berdoa, berzikir, membaca al-Quran.
3. Memperbaiki akhlak: menahan marah, berkata benar, menepati janji, mengelak penipuan dan fitnah.
4. Mengeratkan silaturahmi dan memaafkan, kerana itulah ajaran Nabawi yang menyuburkan rahmat.
5. Berbakti kepada masyarakat: membantu yang memerlukan, memakmurkan masjid, dan menegakkan keadilan.

Doa Nabi Ibrahim 'alayhis-salām agar diutuskan seorang Rasul daripada kalangan manusia sendiri—yang membacakan ayat-ayat Allah, mengajarkan Kitab dan Hikmah, serta menyucikan (tazkiyah) jiwa—menjadi asas misi kenabian Muhammad ﷺ.

رَبَّنَا وَإِنْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

"Wahai Tuhan Kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firmanMu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana". (Al-Baqarah 2:129)

Dan Allah berfirman lagi:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ٢

Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummyyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

(Al-Jumu'ah 62:2)

Maka, memperingati Maulid bukan semata-mata mengenang tarikh kelahiran, tetapi memperbaharui syukur atas nikmat risalah, serta memperteguh komitmen untuk meneladani akhlak Nabi ﷺ dalam keluarga dan masyarakat—agar rahmat Baginda terzahir melalui amal.

Semoga Allah menjadikan kita umat yang sentiasa bersyukur atas nikmat Rasul-Nya, dan mengurniakan taufik untuk kita mengikut di atas jalan baginda yang lurus.

MAULID NABI AGUNG MUHAMMAD ﷺ

Susunan oleh: Ustaz Mohammad Faizul Abdan



Mari Kita Mencintai Nabi

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan (ilah) yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya; dan aku bersaksi bahawa Muhammad ialah hamba dan Rasul-Nya. Limpahkanlah selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga baginda, para sahabat, dan mereka yang mengikuti jejak langkah baginda hingga hari Pembalasan.

Mencintai Rasulullah ﷺ adalah kewajiban iman dan teras ketaatan. Al-Quran menggariskan bahawa misi kerasulan adalah untuk dimuliakan, ditaati dan diikuti, sementara hati sentiasa bertasbih memuji Allah.

لَتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُعَزِّرُوهُ وَتُوَقِّرُوهُ وَتُسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

(Kami mengutusmu wahai Muhammad) supaya engkau dan umatmu beriman kepada Allah dan RasulNya, dan supaya kamu kuatkan agamaNya serta memuliakanNya, dan supaya kamu beribadat kepadaNya pada waktu pagi dan petang. (Al-Fath 48:9)

Tanda cinta sejati ialah ittibā' (mengikut sunnah) — kerana cinta tanpa ikut teladan hanyalah dakwaan:

﴿قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ٣١﴾
Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (A-li 'Imraan 3:31)

Rasulullah ﷺ menegaskan nilai cinta:

«لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ»

"Tidak sempurna seseorang dalam kalangan kamu sehingga aku lebih dia cintai daripada bapanya, anaknya dan seluruh manusia." — Hadis riwayat al-Bukhārī
Aplikasi Cinta kepada Nabi ﷺ dalam amalan seharian


- 1- Ittibā' al-Sunnah: menunaikan solat tepat waktu, menjaga adab dan akhlak, amanah, jujur, menepati janji.
 - 2- Perbanyak Selawat: menghidupkan majlis ilmu dan selawat, khususnya pada hari Jumaat.
 - 3- Menyebarkan Rahmah: menyambung silaturahim, menyantuni anak-anak, fakir miskin, jiran dan tetamu.
 - 4- Membela Syiar: memakmurkan masjid, menyokong kerja dakwah dan kebajikan.
 - 5- Muhāsabah Diri: membersihkan hati daripada hasad, sombong, takabbur dan cinta dunia yang melalaikan.
- Marilah kita meneguhkan kecintaan ini dengan amal yang konsisten, kerana cinta melahirkan taat, dan taat itulah bukti cinta.

NASAB

Nabi Muhammad ﷺ

Quraishy: Fihir bin Malik. Menurut pendapat lain, Quraishy: An-Nadhr bin Kinanah

Nasab Nabi sampai 'Adnan telah disepakati para Ulama. Mengetahui nasab Nabi sampai 'Adnan hukumnya fardhu kifayah



**MUHAMMAD
bin 'Abdullâh bin
'Abdul Muththalib bin
Hâsyim bin 'Abdu
Manâf bin Qushaiyy
bin Kilâb bin Murrah
bin Ka'b bin Lu'aiyy
bin Ghâlib bin Fihir bin
Mâlik bin an-Nadhr
bin Kinânah bin
Khuzaimah bin
Mudrikah bin Ilyâs
bin Mudhar bin Nizâr
bin Ma'add bin
'Adnân**

ISLAM MELARANG TINDAKAN MEROSAKKAN HUBUNGAN SUAMI ISTERI

Susunan oleh: Ustaz Adli Bin Ibrahim



Rumah tangga merupakan sebuah institusi yang sangat penting dalam Islam. Ia dibina atas dasar kasih sayang, saling memahami, dan tanggungjawab antara suami dan isteri. Namun begitu, terdapat manusia yang cuba merosakkan keharmonian rumah tangga orang lain melalui hasutan, tipu daya dan fitnah. Perbuatan ini dalam istilah Islam dikenali sebagai takhbib, dan ia adalah dosa besar yang amat dilarang.

Larangan Takhbib dalam Hadis Rasulullah

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah bersabda:

مَنْ خَبَّبَ زَوْجَةَ امْرِئٍ أَوْ مَمْلُوكَهُ فَلَيْسَ مِنَّا

Maksudnya: "Barangsiapa yang melakukan takhbib terhadap isteri seseorang atau terhadap hamba yang orang itu miliki, maka dia bukan daripada kalangan kami." (Riwayat Abu Daud, Ahmad)

Hadis ini menjelaskan bahawa Islam memandang berat perbuatan yang cuba menggugat kesetiaan seorang isteri kepada suaminya. Mereka yang melakukan perkara ini bukan sahaja berdosa, malah Rasulullah menafikan dirinya daripada golongan tersebut

Sifat Orang Beriman vs. Orang Fajir

Rasulullah bersabda:

الْمُؤْمِنُ غَدُّ كَرِيمٍ، وَالْفَاجِرُ خَبٌّ لَيْئِمٌ

Maksudnya: "Orang beriman itu mudah terpedaya kerana sifat murah hatinya, sedangkan orang yang jahat itu licik menipu kerana kedekutnya." (Riwayat Abu Daud, al-Tirmizi)

Orang beriman tidak menyimpan niat buruk terhadap orang lain. Sebaliknya, orang fajir penuh kelicikan dan menggunakan tipu muslihat untuk kepentingan diri

Balasan bagi Pelaku Takhbib

:Daripada Abu Bakar al-Siddiq RA, Rasulullah bersabda

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ خَبٌّ وَلَا مَنَّانٌ وَلَا بَخِيلٌ

Maksudnya: "Tidak akan masuk syurga orang yang melakukan takhbib (merosakkan hubungan dengan tipu daya), orang yang suka mengungkit pemberian, dan orang yang kedekut." (Riwayat al-Tirmizi)


Hadis ini memberi amaran keras bahawa pelaku takhbib diancam dengan tidak mendapat tempat di syurga, kerana kerosakan yang ditimbulkan boleh memusnahkan kehidupan rumah tangga dan masyarakat

Maksud dan Bentuk Takhbib

Secara bahasa, Takhbib (تَخْبِيبٌ) bermaksud menimbulkan kerosakan dalam hubungan sesama manusia dengan tipu daya. Dalam konteks rumah tangga, ia termasuk:

- Menghasut isteri supaya membenci suami.
- Membisikkan kata-kata manis yang boleh menggugat kesetiaan isteri kepada suami.
- Mencampuri urusan rumah tangga orang lain dengan niat jahat.

Para ulama bersepakat bahawa perbuatan ini adalah **haram** dan termasuk dalam kategori **dosa besar**.



ISLAM MELARANG TINDAKAN MEROSAKKAN HUBUNGAN SUAMI ISTERI

Susunan oleh: Ustaz Adli Bin Ibrahim



Pesanan Iman dan Taqwa

Jika seseorang tidak malu pada manusia, maka hendaklah dia malu dan takut kepada Allah yang Maha Mengetahui. Rezeki, sama ada kenyang atau lapar, susah atau senang, ditentukan oleh Allah. Maka jangan sesekali mencari keuntungan atau kepuasan dengan jalan yang haram seperti merosakkan rumah tangga orang lain.

Contoh Situasi dalam realiti Kehidupan:

1. Seorang lelaki cuba memikat isteri orang lain dengan kata-kata manis melalui media sosial sehingga isteri tersebut mula hilang rasa hormat kepada suaminya.
2. Seorang rakan sekerja sering menghasut seorang wanita bahawa suaminya tidak layak untuknya, dengan tujuan supaya wanita itu meninggalkan suaminya.
3. Seorang individu mencampuri rumah tangga sahabatnya dengan menimbulkan syak wasangka dan fitnah, akhirnya menyebabkan perceraian. Kesemua situasi ini adalah contoh nyata perbuatan takhbib yang amat dilarang dalam Islam.

Kesimpulannya

Perbuatan merosakkan hubungan suami isteri adalah dosa besar yang dilaknat oleh Rasulullah SAW. Islam mengajar umatnya supaya menjaga keharmonian rumah tangga kerana ia menjadi asas kepada kestabilan masyarakat. Mereka yang cuba mencampuri urusan rumah tangga dengan niat jahat telah menyalahi ajaran Islam dan diancam dengan balasan yang berat di akhirat.



سیکمن جاوی

Susunan oleh: Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie



هیدوف برمنفعة سلامت دنیا أخیره

دالم کهیدوفن یغ سیفتک این، کیت سریق ترتاپا-تاش معنا هیدوف یغ سبنر؟
 اداکه سقدر منچاری هرتا، معجر قعکت، اتاو مغمومقول کنغن دنیا؟ جواقش تننو لبیه بسر درقد ایت. هیدوف یغ بنر ۲ برمعنا ایاله هیدوف یغ ممبری منفعت کقد اورغ لاین دان قادا قد ماس یغ سام منجادی بکلن اونتوق کسلامتن کیت دأخرة. رسول الله صلی الله علیه وسلم قرنه برسبدا: "سیبایک-بایق مائنسی اداله یغ فالیغ برمنفعت کقد مائنسی یغ لاین. (حدیث روایت أحمد). حدیث این منجادی قندوان بهاوا نیلای سساورغ بوکن قادا قد بایقش هرتا، تافی قادا سبراغ جاءوه دی ممغو ممبری کبایقن کقد اورغ دسکلیلیغ.

اف مقصود هیدوف برمنفعت؟

ایا بوکن سقدر منولوغ دالم بنتوق واغ اتاو تناک. ایا بولیله جادی سپومن یغ مننغن هاتی، کات ۲ یغ ممبغکیتکن سماغت، علمو یغ دکوغسی، اتاو دعاء یغ دقجتکن سچارا . سپف اونتوق اورغ لاین. ستیاف کبایقن، والو سکچیل ذره، اکن دکیرا اولیه الله .

سلامت دنیا دان اخیره

هیدوف برمنفعت بوکن هاڻ اونتوق مغلکن هوبوغن بایق دغن مائنسی، تافی جوک سباکای جالن منوجو کرضاءن الله. اقایلا کیت جوجور، امانه، دان تیدق مپوسهکن اورغ لاین، کیت منچیتا سواسان هیدوف یغ دامای ددنیا. دان اقایلا ستیاف عمل ایت دنیتکن کران الله، ایا اکن منجادی ساهم یغ مپلامتن کیت دأخرة.

باکایمان نق مولاکن هیدوف برمنفعت؟

برمولا دغن دیری سندیری : قیربایکی صلا، جاگ اخلاق، قواکن هوبوغن دغن الله.

کلوارک تردکت : بریقتی کقد ایبو باف، مپنتونی قاسغن دان انق ۲، ممبری ماس دان قرهاتین.

مشارکت : هولور بنتوان ، سمقایکن علمو والو ساتو ایات، دان جادی انسان یغ ممباوا کتنغن.

عالم سکیتیر : جاگ کبرسیهن، کران بومی جوک اداله امانه


اخیرن، هیدوف برمنفعت منجادیکن کیت انسان یغ سنتیاس دریندوعی ددنیا دان درحمتی دأخرة. هرتا اکن دتیغکلکن، قعکت اکن دلوقاکن، تافی عمل کبایقن اکن تروس مغالیر والو قون جسد کیت سوده تیاد. موک کیت ترگولوغ دالم کالغن همبا الله یغ بوکن ساج سلامت ددنیا، تافی جوک منداقت ناعوغن رحمة دأخرة

LAPORAN AKTIVITI UHEI



4 Sept 2025 (Khamis) - Program Ziarah Mahabbah dan Lawatan Penanda Aras UHEI UiTM CNS ke ZAWAF UiTM Shah Alam

Program ini merupakan sebahagian daripada siri program yang dijadualkan semula bagi memperkukuh hubungan kerjasama erat antara UHEI UiTM CNS dan ZAWAF dalam usaha memantapkan tadbir urus zakat, wakaf dan sedekah disamping memperkukuhkan kerjasama strategik antara UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Shah Alam. Semoga kerjasama ini terus diberkati, memberi manfaat yang berpanjangan, dan menjadi asbab kebaikan kepada warga UiTM, masyarakat serta ummah.



23 - 24 Sept 2025 (Selasa - Rabu) : **Kursus Pembinaan Munsyi Dewan (Jawi)** yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi memperkasa dan memperluas peranan tulisan Jawi dalam warga UiTM. Kursus ini telah disertai oleh Pegawai dan Kakitangan daripada Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Semoga usaha ini menjadi langkah berterusan dalam memartabatkan tulisan Jawi, seiring dengan usaha memperkukuh bahasa kebangsaan.

LAPORAN AKTIVITI UHEI



Lawatan tapak bagi Cadangan Wakaf MAINS di Pusat Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Lawatan ini bagi memberi pegawai MAINS menyaksikan sendiri kesesuaian dan keperluan Pusat Islam untuk manfaat para pelajar, kakitangan dan jemaah yang menggunakan fasiliti disini. Ini juga menghasilkan keberkesanan dalam melaksanakan projek Wakaf yang dibuat oleh pihak MAINS. Semoga ianya akan memberi manfaat kepada semua yang menggunakan fasiliti wakaf tersebut pada masa akan datang.

ANUGERAH KHAS MOA WAKAF



SUNGAI PETANI, 22 September – Seksyen Zakat, Sedekah & Wakaf (SZSW) UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menerima Anugerah Khas Cawangan MOA WAKAF dalam Majlis Apresiasi & Penghargaan sempena Bengkel Pengurusan Strategik Zakat UiTM yang berlangsung di Swiss Avenue Hotel, Sungai Petani, Kedah.

Pengiktirafan dan anugerah ini telah disampaikan oleh Profesor Dr. Amer Shakir Zainol, Penolong Naib Canselor Pejabat Pemerkasaan Adiwangsa UiTM, diiringi Prof. Madya Dr. Najahudin Lateh, Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah & Wakaf UiTM.

Ini sebagai satu pengiktirafan kepada UiTMCNS yang dilantik sebagai Mutawalli Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan(MAINS) pada tahun ini.

Bengkel Pengurusan Strategik Zakat UiTM (22-24 September 2025) menghimpunkan 35 penyelaras Zakat, sedekah dan Wakaf dan Ketua Unit Hal Ehwal Islam, UiTM seluruh negara bagi membincangkan hala tuju dan strategi pengurusan zakat yang lebih menyeluruh.

Anugerah ini turut mengukuhkan imej UiTM Cawangan Negeri Sembilan sebagai institusi pendidikan tinggi yang aktif dalam kebajikan ummah, serta menjadi pemangkin kepada kerjasama berterusan dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

SAHAM AKHIRAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Kuala Pilah

**TABUNG PUSAT ISLAM
AL TAQWA**
KAMPUS KUALA PILAH
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

"JOM BERSEDEKAH"
<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAN1/02/22>

IMBAS QR CODE & DERMA

Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

©hein9_k.pilah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Unit Hal Ehwal Islam
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

Tabung Pusat Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

IMBAS & DERMA

JOM BERSEDEKAH
[HTTPS://UITMPAY.UITM.EDU.MY/GIVING/PRODUCT/AAN3/02/23](https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/product/AAN3/02/23)

Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Kampus Rembau

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

**TABUNG
PUSAT ISLAM**
SHEIKH HAJI AHMAD SAID
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

SCAN ME

**Jom
BERSEDEKAH**

Sedekah Membawa
Barakah!
<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAN2/02/24>

BEST CHOICE

UNIT HAL EHWAL ISLAM
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN

**Sumbangan Anda
Kami Hargai**

Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Kuala Pilah selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Mohammad Faizul bin Abdan

Penolong Pendaftaf Kanan (N10)

Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Kuala Pilah



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie

Pegawai Eksekutif Kanan (N6)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Kuala Pilah
Pekan Parit Tinggi
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan
Malaysia



06-4832291



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Seremban selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Izwaniyati binti Ibrahim

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Seremban



Ustaz Puaad bin Osman

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Muhammad Luqman bin Roslan

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Abdul Hadi bin Abd. Wahab

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban 3/1 Seremban 3
73000 Seremban
Negeri Sembilan
Malaysia



06-6342000



Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Seremban

Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Rembau selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Nor Mohd Faisal bin Md Ariffin

Timbalan Pendaftar (N12)

Ketua Unit Hal Ehwal Islam I UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Ustazah Masliyana binti Ismail

Penolong Pendaftar Kanan (N10)

Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Muhammad 'Adli bin Ibrahim

Pegawai Eksekutif (N5)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Mohd Sairin bin Sarlan

Pembantu Tadbir (N1)

Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Rembau

Jalan UiTM Rembau

71300 Rembau

Negeri Sembilan

Malaysia



06-6982354



Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan